

Tun Mahathir jelas mengapa hapuskan tol tidak boleh dilakukan serta-merta

AstroAwani

07 Oktober 2019

Firdaus Azil,

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan kenyataan beliau semalam untuk ‘tidak janji menghapuskan tol’ adalah merujuk kepada manifesto Pakatan Harapan, iaitu ia tidak boleh dilakukan serta-merta ekoran bebanan kewangan yang dipikul kerajaan masa kini.

Beliau berkata, secara hakikatnya, tidak semua yang memiliki konsesi lebuhraya yang mendapat keuntungan, kerana dana yang besar diperlukan untuk menyelenggara lebuhraya tersebut.

Dr Mahathir berkata, manifesto PH mengandungi ayat berikut - Kerajaan Pakatan Harapan akan mengkaji semula perjanjian konsesi lebuhraya. Kami akan berunding untuk mendapatkan harga yang terbaik untuk mengambil alih setiap konsesi tol dengan matlamat akhir untuk menghapuskan tol secara berperingkat.

“Kajian menunjukkan bahawa kerajaan terpaksa belanja puluhan bilion Ringgit untuk mengambil alih lebuhraya bertol dengan secara serta merta. Setelah ambil alih penyelenggaraan akan memerlukan berbilion ringgit lagi,” katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Perdana Menteri berkata, langkah itu memerlukan lebih masa memandangkan kerajaan terdahulu telah meninggalkan hutang sehingga mencecah trilion Ringgit, dan ia perlu dijelaskan sekiranya tidak mahu dikenakan status muflis.

“Apabila dibayar, dana kerajaan tidak mencukupi untuk pembangunan infrastruktur yang penting jika beban pembelian dan penyelenggaraan lebuhraya ditambah kepada operasi dan pembangunan kerajaan.

“Setelah dikaji, kerajaan tidak mampu melayan permintaan projek oleh rakyat jika dibeban dengan penyelenggaraan lebuhraya,” jelasnya lagi.

Perdana Menteri berkata, atas sebab itu, penghapusan tol segera tidak boleh dilakukan kerana memerlukan pembelian oleh kerajaan.

“Masa diperlukan untuk mengurangkan beban rakyat kerana menghapuskan tol, tetapi menurunkan bayaran tol boleh dipikul.

“Jika ada (pihak) swasta) yang akan kurangkan tol, cadangan mereka boleh dipertimbang,” kata Dr Mahathir lagi.

© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tun-mahathir-jelas-mengapa-hapuskan-tol-tidak-boleh-dilakukan-serta-merta-219402>